

Ucapan Aluan Naib Canselor
Y.Bhg. Profesor Dato' Dr. Asma Ismail
Naib Canselor
Universiti Sains Islam Malaysia

Sempena
Majlis Penyerahan Baucar Buku 1Malaysia (BB1M)
&
Kad Diskaun Siswa 1Malaysia (KADS1M)

Galeri Bahagian Hal Ehwal Pelajar
11.15 pagi
15 Februari 2013M / 4 RabiulAkhir 1434H (Jumaat)

Terima kasih pengerusi majlis

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum wa Rahmatullahi wa Barakatuh, Salam Sejahtera dan Salam Satu Malaysia

[SALUTASI]

Yang Berhormat Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir Bin Haji Baharom, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Merangkap Menteri Mentor USIM

Yang Berbahagia Timbalan-timbalan Naib Canselor

Pegawai-pegawai Kanan USIM

Para Pelajar Yang Dihormati Sekalian

1. Bagi pihak Universiti Sains Islam Malaysia, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih dan mengalu-alukan kehadiran **Yang Berhormat Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir Bin Haji Baharom, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Merangkap Menteri Mentor USIM**, kerana sudi sekali lagi untuk meluangkan masa bertemu dengan para pelajar USIM hari ini sempena **Majlis Penyerahan Baucar Buku 1Malaysia (BB1M) dan Kad Diskaun**

Siswa 1Malaysia (KADS1M). Sebagai tuan rumah, saya amat berbesar hati dan mengucapkan Selamat Datang kepada Yang Berhormat Dato' Seri.

2. USIM amat bersyukur dan berterima kasih kepada pihak Kerajaan Malaysia kerana telah memperkenalkan pelbagai inisiatif untuk membantu rakyat terutamanya kepada golongan mahasiswa/i institusi pengajian tinggi. Ini menunjukkan Kerajaan sentiasa prihatin dengan apa yang berlaku di kalangan masyarakat termasuk golongan mahasiswa/i.

Yang Berhormat Dato' Seri dan Mahasiswa-Mahasiswi Sekalian,

3. Adalah menjadi Realiti yang peluang untuk belajar secara kondusif TIDAK semua negara membangun mampu menyediakannya. Mahasiswa-mahasiswi sekalian kita harus bersyukur kerana negara kita Malaysia mampu menyediakan pusat pengajian tinggi yang selesa dan membelanjakan berbillion ringgit semata-mata untuk pendidikan, malah memberikan pelbagai insentif kepada warga IPT termasuk mahasiswa/i. Kita bersyukur yang Malaysia amat komited dalam soal pendidikan. Pada tahun ini, kerajaan telah menyediakan peruntukan yang besar sebanyak 50.1 bilion ringgit untuk sektor pendidikan atau 21.6% daripada keseluruhan bajet tahunan.

Yang Berhormat Dato' Seri dan Mahasiswa-Mahasiswi Sekalian,

4. Pada hari ini, mahasiswa/i USIM amat bertuah kerana bantuan tersebut akan diberi, secara terus kepada mahasiswa/i sekalian. **Kad Diskaun Siswa 1Malaysia (KADS1M)** yang diperkenalkan ini mampu mengurangkan kos sara hidup pelajar yang semakin hari semakin meningkat. Manakala **Baucar Buku 1Malaysia (BB1M)** pula ialah untuk menampung pembelian buku dan bahan ilmiah untuk memenuhi keperluan belajar di Universiti. Dengan itu saya berharap pelajar sekalian manfaatkanlah kemudahan yang diberi melalui KADS1M dan BB1M ke arah tujuan yang berfaedah serta sentiasalah bijak dalam berbelanja. Dahulukan segala kewajipan dan keperluan yang wajib ditunai sebagai seorang pelajar. Jangan menjual baucar atau kad tersebut kepada mereka yang sering melihat keuntungan semata-mata.

Mahasiswa-mahasiswi Sekalian,

5. Masa belajar yang ada sekarang ini gunalah sebaik mungkin. Jangan sesekali terlibat dengan perkara yang tidak berfaedah dan memudharatkan masa depan. Kesianlah pada ayah dan bonda yang telah bekerja keras untuk memastikan pelajar sekalian sampai ke peringkat ini. Segala kemudahan telah diberikan, jadi tiada alasan lagi untuk tidak berjaya dalam pembelajaran. Apabila bergraduasi kelak seharusnya anda sekalian berbakti pula kepada negara, masyarakat dan agama sebagai bukti untuk membalas segala budi yang telah diberikan kepada saudara/i sekalian .

Yang Berhormat Dato' Seri dan Hadirin Sekalian,

6. Akhir kata, tanpa membuang masa, saya bagi pihak USIM sekali lagi ingin merakamkan jutaan terima kasih atas kehadiran serta luangan masa **Yang Berhormat Dato' Seri** untuk menyempurnakan majlis sebentar lagi. Ucapan terima kasih yang tidak terhingga juga dirakamkan kepada Kerajaan kerana menyediakan inisiatif KADS1M dan BB1M kepada semua pelajar USIM. Semoga majlis ini akan diberkati oleh Allah s.w.t dan memberikan manfaat kepada kita semua.

7. Sekian, *Wabillahit Tawfiq wal Hidayah, Wassalamu 'Alaikum wa Rahmatullahi wa Barakatuh.*